

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**



MOSTI SASAR PERUNTUKAN RM100 JUTA PADA 2022

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - September 27, 2021 @ 11:37am
Emel bhnews@bh.com.my



Menteri Sains Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba. - NSTP/FAIL

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan peruntukan RM100 juta pada 2022 sebagai dana untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) melalui 'Malaysia Grand Challenge (MGC)'.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata dana itu akan memberi tumpuan dalam bidang keutamaan sains dan teknologi serta inovasi.

MGC diperkenal untuk menggalakkan aktiviti R&D, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) negara, bagi mengajak masyarakat bersama-sama mengatasi permasalahan serta menambah baik kehidupan masyarakat, sistem ekonomi dan persekitaran sama ada di peringkat nasional mahupun global.

Dr Adham berkata, sepanjang tahun ini, MOSTI memperuntukkan sebanyak RM80 juta untuk tujuan sama dan menyasarkan peruntukan RM100 juta bagi 2022 untuk projek di bawah MGC.

"Dana ini ditawarkan kepada individu termasuk belia berusia 18 tahun dan ke atas serta syarikat pemula yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Bagi pemohon di bawah usia 18 tahun, mereka boleh dipertimbangkan dengan syarat mendapat sokongan daripada badan yang bertauliah serta memenuhi syarat yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi pertemuan secara maya dengan bakat inovasi muda di Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) di sini, hari ini.

Terdahulu, MOSTI menerusi Yayasan Inovasi Malaysia memberi sumbangan sebanyak RM3,000 sebagai penghargaan kepada tiga bakat muda yang mengharumkan nama negara dalam inovasi kreatif.

Mereka ialah Maryam Muzamir, 11, yang mencipta inovasi makanan haiwan daripada kulit udang dan siput sedut diberi nama Yam 2.0 sehingga merangkul tiga pingat emas dalam pertandingan inovasi dan reka cipta di Toronto, Kanada, baru-baru ini.



Maryam Muzamir meraih tiga pingat emas pada Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa Kanada ke-6 (iCAN 2021) di Toronto, Kanada, bulan lalu.

Dua lagi adalah pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohd Fahad Saleem dan Nur Liyana Syasya Mohd Zamuri, kedua-duanya berusia 24 tahun yang mencipta inovasi 'Smart Bandage', sekali gus dinobatkan pemenang '3M Inspire Challenge' di peringkat Asia Tenggara.

Dr Adham berkata, MOSTI amat komited memberi sokongan dan menggalakkan inovasi dalam kalangan bakat muda tempatan.

Justeru, katanya, persediaan rapi dan pembudayaan bakat perlu dilakukan lebih awal dalam memberi sokongan, seterusnya membimbing bakat muda, termasuk menyediakan platform efektif dalam usaha membangunkan sebuah negara yang berinovasi.

"Selain itu, usaha untuk menarik minat dan bakat muda terutama di luar bandar turut dilaksanakan dengan memperluaskan lagi Ruang Reka Komuniti di setiap daerah berbanding ketika ini hanya di Seremban, Negeri Sembilan dan Kuala Terengganu, Terengganu.

"Ruang ini akan membantu orang ramai terutama anak muda lebih memahami sains dan teknologi serta bentuk pembangunan kerjaya yang sesuai dan boleh diceburi dalam bidang ini," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya kewujudan penganjur pertandingan dimenangi Maryam tidak sah, Dr Adham berkata, pihaknya akan meminta Yayasan Inovasi Malaysia mendapatkan maklumat lanjut.

Namun, katanya, bakat dimiliki kanak-kanak berusia 11 tahun itu yang berjaya mencipta inovasi makanan haiwan sehingga mendapat perhatian dunia adalah lebih penting dan perlu diraikan.

"Saya berharap semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi sehingga maklumat sah diperoleh kerana sesiapa pun terutama di sosial media boleh membuat sebarang dakwaan," katanya.

Ditanya senarai pertandingan antarabangsa yang sesuai untuk orang ramai mengetengahkan bakat mereka, beliau berkata, pihaknya tahu ramai dalam kalangan golongan itu sudah mempunyai saluran tersendiri untuk menampilkan inovasi mereka.

Justeru, katanya, MOSTI tidak menghalang mereka untuk menyertai mana-mana pertandingan yang mereka mahu sertai, malah turut membantu dengan memberi nasihat.